

Pakar psikologi dari UPM, Prof Madya Dr Zainal Madon berkata, tahap mengurus perasaan marah dalam kalangan rakyat di negara ini masih rendah walaupun ketika berdepan dengan perselisihan kecil

SEGELINTIR RAKYAT MALAYSIA HILANG KEWARASAN

Kegagalan mengurus perasaan marah mendorong seseorang itu bertindak tidak waras sehingga boleh mendatangkan kecederaan malah boleh menyebabkan kematian kepada pihak lain. - Kata Dr Zainal kepada *Sinar Harian* semalam. **2**



'Mana nilai kemanusiaan?'

Tahap mengurus perasaan marah rakyat Malaysia masih rendah

NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Tahap mengurus perasaan marah dalam kalangan rakyat di negara ini masih lagi rendah walaupun ketika berdepan dengan perselisihan kecil, kata pakar psikologi, Prof Madya Dr Zainal Madon.

Menurut Zainal yang juga pensyarah Bimbingan dan Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), perkara itu berlaku kerana pemikiran seseorang itu telah dipengaruhi emosi sehingga tidak boleh berfikir secara rasional.

"Kegagalan mengurus perasaan marah inilah yang menjadi pendorong kepada seseo-

rang itu bertindak tidak waras sehingga boleh mendatangkan kecederaan malah lebih parah lagi menyebabkan kematian pihak lain.

"Inilah (tahap mengurus kemarahan) yang perlu kita beri perhatian dan penekanan

kerana masyarakat kita hari ini dilihat semakin terhakis dengan nilai-nilai serta pendidikan kemanusiaan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai insiden kemalangan di Kilometer 293.5 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan berhampiran persimpangan Southville City Sabtu lalu yang menyebabkan seorang lelaki maut dipercayai akibat bergelut dengan seorang lagi lelaki ekoran perselisihan faham selepas terlibat dengan kemalangan.



ZAINAL

Mengulas lanjut mengenai tragedi yang mendapat perhatian ramai itu, Zainal berkata, kes yang sepatutnya dapat diselesaikan dengan cara baik mengikut undang-undang telah bertukar menjadi tragedi kerana gagal

mengawal emosi.

"Kalau seseorang itu dapat mengurus perasaan marah atau menggunakan kepintaran emosi, langkah yang sepatutnya diambil adalah dengan membuat laporan polis dan biar pihak berkuasa tentukan, bukan bertindak sendiri.

"Tetapi kalau dalam diri sudah tidak dapat mengawal perasaan dan dipenuhi prejudis, marah dan seangkatan dengannya, inilah yang berlaku," katanya.

Tambahnya lagi, sudah tiba masanya untuk memperkukuhkan kembali nilai-nilai

murni dan pendidikan sosial dalam kalangan masyarakat seawal usia kanak-kanak agar tragedi sebegini tidak berulang.

"Masyarakat kita lebih mementingkan akademik dan pencapaian dalam hidup sehingga lupa nilai-nilai murni yang sewajarnya berjalan seiring.

"Didikan awal perlu bermula dari rumah dan dari situlah kita dapat wujudkan kembali persekitaran masyarakat harmoni serta saling bertolak ansur," katanya.

Terdahulu, dalam kejadian pukul 1.40 petang Sabtu lalu itu, Syed Muhammad Danial Syed Syakir, 29, maut setelah berlaku perselisihan faham dalam kemalangan kecil di Lebuhraya Utara Selatan, berhampiran susur Bandar Baru Bangi.

Berikutan itu sepasang suami isteri, masing-masing berumur dalam lingkungan awal 40-an dan lewat 30-an ditahan reman selama tujuh hari bermula kelmarin bagi membantu siasatan.